Sepertimana Berkuatkuasa
Pada Ogos. 2003

Melantik Peguam

Kempen Pengantaraan Dan Kesedaran Undang-Undang

BAR COUNCIL
LEGAL AID CENTRE SELANGOR
NO. 41A, JALAN BOLA JARING,
13/15 SECTION 13,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR.
TEL: 03-5510 7007 / 7008
FAX: 03-5510 7009

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

PEGUAM

Peguam-Peguam adalah ahli profesional yang terlatih di dalam bidang undang-undang. Anda boleh berjumpa mereka untuk mengatasi masalah-masalah anda. Mereka adalah orang yang bebas dan segala maklumat yang diberi kepada mereka adalah sulit dan hanya boleh didedahkan dengan kebenaran anda. Walaupun tugas utama seorang peguam ialah melindungi hak anda, dia juga adalah seorang pegawai Mahkamah. Oleh itu peguam tidak boleh memberi maklumat yang tidak tepat kepada Mahkamah atau bantu anda melanggar undang-undang dalam apa jua cara. Peguam dikehendaki mengikut tata tertib kelakuan dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Peguam.

BILA ANDA PERLU BERJUMPA SEORANG PEGUAM

Pada amnya anda mungkin perlu berjumpa peguam untuk

* Mendapatkan nasihat tentang masalah bersifat undang-undang
* Mewakili anda di Mahkamah, jika perlu
* Membantu mengendalikan hak anda di sisi undang-undang

Oleh itu, anda mungkin ingin berjumpa dengan seorang peguam khususnya:-

* Jika anda didakwa melakukan jenayah dan ingin mendapatkan nasihat mengenai pembelaan anda dan juga untuk mewakili anda di Mahkamah
* Jika anda ingin membuat tuntutan terhadap pihak lain, anda boleh meminta peguam membantu anda membuat tuntutan dan mewakili anda di Mahkamah
* Jika pihak lain membuat tuntutan yang tidak adil terhadap anda, anda mungkin memerlukan bantuan peguam untuk membela anda

Jika terdapat keraguan tentang sebarang perkara yang berkaitan dengan undang-undang, adalah lebih baik berjumpa dengan seorang peguam. Ini adalah untuk perlindungan anda. Juga nasihat guaman yang diperolehi diperingkat awal boleh menjimat masa, bebanan dan wang.

PERKHIDMATAN YANG DIBERI OLEH PEGUAM

Peguam boleh memberi anda pelbagai perkhidmatan yang penting dan berguna. Antara perkhidmatan yang diberi oleh mereka ialah:-

* Bila seseorang berhutang dengan anda dan belum menjelaskan hutangnya walaupun telah berkali-kali anda mengingatkannya, anda mungkin ingin berjumpa peguam untuk membuat tuntutan bagi pihak anda.
* Bila anda terlibat dalam suatu kemalangan jalan raya, peguam boleh menasihatkan anda tentang langkah-langkah yang harus diambil untuk membuat tuntutan serta apa yang anda harus buat untuk melindungi diri dari tuntutan pihak lain.
* Bila anda menghadapi masalah dengan suami/isteri, peguam boleh menasihati anda tentang undang-undang perceraian, perpisahan, nafkah dan hak penjagaan anak.
* Bila anda ingin membeli atau menjual rumah, peguam boleh memberi nasihat tentang prosedur yang terlibat, memeriksa semua dokumen bagi pihak anda dan memastikan bahawa hakmilik rumah itu adalah sah serta bebas dari bebanan.
* Jika anda ada masalah berkenaan dengan penyewaan harta sebagai tuanpunya atau penyewa, anda boleh berjumpa dengan peguam untuk memperolehi nasihat atau mewakili anda di Mahkamah, jika perlu.
* Sebelum anda menandatangani sebarang kontrak perniagaan atau perkhidmatan salinan deraf kontrak berkenaan boleh ditunjukkan kepada peguam dan nasihat boleh diminta.
* Apabila salah seorang ahli keluarga meninggal, bantuan peguam boleh diperolehi untuk membuat permohonan kepada Mahkamah supaya harta pusaka simati boleh dikendalikan.

ANDA MUNGKIN INGIN MEMINTA NASIHAT SEORANG PEGUAM:

* Untuk membuat wasiat supaya harta anda dibahagikan mengikut kehendak anda selepas kematian.
* Untuk menukar nama.

* Untuk mengambil anak angkat.

* Sebelum memulakan perniagaan atau menubuhkan syarikat.

* Untuk mengetahui hak anda di sisi undang-undang dalam sesuatu perkara.

BAGAIMANA MENCARI SEORANG PEGUAM

Peguam tidak dibenarkan mengiklan tetapi Majlis Peguam ada menerbitkan sebuah buku panduan yang mempunyai nama, alamat dan maklumat lain yang relevan tentang semua peguam yang beramal di Malaysia. Cara yang terbaik untuk memilih seorang peguam adalah menerusi cadangan kawan, rakan kerja dan saudara-mara.

BERJUMPA DENGAN PEGUAM

Jika hubungan kali pertama anda dengan seorang peguam adalah menerusi panggilan telefon, anda harus memberitahunya sebab anda menghubunginya dan terus membuat temujanji.

Pada perjumpaan nanti bawa bersama anda segala dokumen relevan dan maklumkan kepada peguam semua maklumat yang perlu. Adalah lebih baik jika anda mencatat semua soalan yang hendak ditanya.

Jangan rasa takut untuk bertanya soalan. Jika ingin, anda juga boleh bertanya kepada peguam tentang banyaknya kerja yang terlibat dan jangka masa kes.

INGAT: Peguam anda hadir untuk membantu.

YURAN GUAMAN

Yuran yang perlu dibayar biasanya berdasarkan berapa banyak kerja yang telah dibuat bagi pihak anda, masa yang diambil serta kesukaran kerja yang terlibat. Kadang-kala yuran yang perlu dibayar ditetapkan oleh undang-undang: contohnya - yuran untuk jual-beli rumah.

Adalah biasa bagi peguam meminta bayaran cengkeram sebelum memulakan kerja bagi pihak anda.

Sila bincang secara bebas bersama peguam anda tentang bayaran yuran. Ini adalah untuk mengelakkan salah faham. Sekiranya anda tidak puas hati dengan yuran yang dikenakan, berbincanglah dahulu dengan peguam anda. Sekiranya masalah ini tidak dapat diselesaikan, anda boleh meminta peguam anda mengatur supaya bilnya ditaksirkan, iaitu ditentukan oleh pihak Mahkamah.

BANTUAN GUAMAN

Jika anda perlu berjumpa dengan peguam tetapi tidak mampu membayar yurannya, bantuan boleh diperolehi dari Pusat Bantuan Guaman yang diuruskan oleh Majlis Peguam. Pusat Bantuan Guaman di Kuala Lumpur terletak di

Tingkat 6, Wisma Kraftangan,
No. 9, Jalan Tun Perak,
50050 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2691 3005, 2693 2072
Fax: 2693 0527

Pusat Bantuan Guaman ditempatkan di kebanyakan bandaraya dan bandar utama di Semenanjung Malaysia.

Pusat-pusat ini memberi representasi dalam semua kes jenayah bagi mereka yang layak kecuali dalam kesalahan yang membawa hukuman bunuh atau penjara seumur hidup dan juga memberi bantuan dalam semua perkara sivil kecuali perkara yang berkaitan dengan tuntutan hutang dan tuntutan kemalangan motor.

Kerajaan juga menguruskan skim bantuan guaman untuk orang yang memerlukan bantuan guaman tetapi tidak mampu membayar yurannya. Biro Bantuan Guaman Kerajaan mempunyai pejabat-pejabat di semua bandaraya dan bandar utama di Malaysia. Pejabat mereka di Kuala Lumpur terletak di

Biro Bantuan Guaman
Tingkat 1, Wisma Cyclecarry
Jalan Raja Laut,
50504 Kuala Lumpur.
Tel : 2694 2700
Fax: 2694 0040

Biro Bantuan Guaman memberi bantuan dalam kebanyakan perkara untuk mereka yang layak kecuali representasi bagi kes-kes jenayah.

Perlu diperhatikan bahawa orang-orang yang ingin mendapatkan bantuan guaman mesti lulus ujian kemampuan yang ketat sebelum layak menerima bantuan dari Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam atau Biro Bantuan Guaman Kerajaan. Anda dikehendaki memberi maklumat tentang gaji, wang simpanan dan harta yang dimiliki.

MAJLIS PEGUAM

Majlis Peguam adalah Badan yang mengawal semua peguam yang beramal di Semenanjung Malaysia. Badan ini menetapkan piawaian bagi kelakuan profesional yang harus dipatuhi oleh peguam. Sekiranya anda tidak puas hati dengan perkhidmatan peguam anda, anda harus cuba menyelesaikan dengan peguam anda terlebih dahulu kerana masalah itu mungkin kerana salah faham atau putus komunikasi. Sekiranya ini tidak berhasil, anda bolehlah menulis surat kepada Majlis Peguam untuk bantuan mereka.

Alamat Majlis Peguam adalah:-

MAJLIS PEGUAM
(Bar Council)
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax: 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my

A Public Service Initiative of : The Bar Council,
No. 13, 15 & 17, Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 03-2031 3003
Fax : 03-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
E-mail: council@malaysianbar.org.my
www.malaysianbar.org.my